

Najib Gesa Tingkatkan Pengeluaran Dalam Menghadapi Ancaman Kekurangan Makanan
Bernama
01 November, 2012

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis menyarankan usaha meningkatkan pengeluaran makanan melalui inovasi, teknologi yang lebih baik dan pembaikan pengairan serta kualiti tenaga manusia dalam menghadapi ancaman kekurangan makanan atas sebab pelbagai faktor.

Ancaman kekurangan makanan yang berpunca daripada bencana alam, kemerosotan kualiti tanah dan pelbagai faktor lagi kini menjadi semakin terlalu nyata, katanya.

Beliau juga berkata ancaman pemanasan global dan perubahan cuaca menjadikan pertanian dan jaminan makanan isu kritikal bagi Malaysia dan rantau ini.

"Bagi Asia dan Asean, sebagai satu daripada lembangan pertanian dunia, jaminan makanan dalam sebuah dunia dengan penduduk yang semakin meningkat dan jumlah tanah pertanian yang terhad kini menghampiri tahap kritikal," katanya pada mesyuarat kedua antara sesi Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) di sini pada Khamis.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif Akademi Sains New York (NYAS), Ellis Rubinstein, turut menghadiri mesyuarat itu, acara pertama anjuran Malaysia oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dengan kerjasama NYAS.

Najib berkata kunci kepada jaminan makanan haruslah melalui penambahan pengeluaran melalui cara inovasi, teknologi lebih baik, menambah baik pengairan dan kualiti sumber manusia.

"Saya percaya kita akan mendengar penyampaian Majlis Penyelidikan Sains Negara (NSRC) yang akan memperkatakan mengenai usaha memajukan pengeluaran mapan beras dan industri ayam itik melalui penyelidikan inovatif dan persaingan dan kemungkinan dari situ kita boleh bertukar-tukar pendapat dalam aspek yang lebih luas mengenai jaminan makanan," katanya.

Najib juga berkata kerajaan amat bimbang dengan peningkatan insiden penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia.

"Kita (kerajaan) prihatin terhadap kesejahteraan rakyat, dan kesihatan serta penjagaan kesihatan merupakan perkara paling diutamakan.

"Penduduk yang sihat ialah penduduk yang produktif, dan kita perlukan penduduk yang sihat untuk mencapai sasaran yang telah kita tetapkan bagi Malaysia menjelang tahun 2020," katanya.

Najib berkata dalam pada negara-negara berusaha ke arah kemajuan ekonomi, keamanan dan kesejahteraan penduduk mestilah menjadi kepentingan utama.

"Malaysia amat menyedari akan perkara ini dan kita telah menjadikan keamanan sebagai benteng bagi semua perancangan masa depan kita.

"Malah Belanjawan 2013 baru-baru ini disediakan sejajar dengan perkara ini dengan tema 'Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati'.

Sementara itu, Najib berkata beliau gembira kerana Rubinstein dapat menghadiri mesyuarat hari ini dan tidak terbabat dengan ancaman Taufan Sandy.

"Dalam masa yang sama, saya mendoakan semua rakan-rakan warga Amerika dan keluarga mereka yang dikasihi terselamat daripada kesan buruk bencana itu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706174>